



24 AUG, 2026

Pasang sistem solar atas bumbung di 51 restoran

Harian Metro, Malaysia



Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

McDonald's Malaysia memperluas penggunaan tenaga boleh baharu dalam operasinya apabila sistem solar atas bumbung bakal dipasang di 51 lagi restorannya, menerusi kerjasama strategik dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).
Inisiatif berkenaan membabitkan anggaran kapasiti gabungan sebanyak 1.685 megawatt-peak (MWp) serta meneruskan usaha rangkaian restoran perkhidmatan segera itu mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan penggunaan sumber tenaga lebih bersih.
Pelaksanaan sistem solar itu dijangka bermula tahun ini dan siap pada 2027. GSPARX Sdn Bhd iaitu anak syarikat TNB bertanggungjawab membangunkan, mengendalikan serta menyelenggara kemudahan berkenaan.
Kerjasama antara kedua-dua syarikat berkenaan turut merangkumi penggunaan tenaga elektrik boleh baharu menerusi Tarif Elektrik Hijau (GET) serta penyediaan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV) TNB Electron.

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan

MCDONALD'S MALAYSIA, TNB PERLUAS PENGGUNAAN TENAGA BOLEH BAHARU

Pasang sistem solar atas bumbung di 51 restoran



MCDONALD'S Titiwangsa di Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Sebelum ini, McDonald's Malaysia dan TNB memulakan kerjasama penggunaan solar pada 2023 menerusi perjanjian membabitkan 100 restoran McDonald's Pandu-Lalu terpilih.

McDonald's Malaysia, Datuk Azmir Jaafar berkata, inisiatif itu sebahagian plan hala tuju kelestarian syarikat dalam mengurangkan pelepasan karbon serta memastikan operasinya kekal berdaya tahan

pada masa hadapan.

Katanya, kerjasama dengan TNB juga selaras dengan usaha syarikat untuk memperluas amalan mampan di seluruh rangkaian restorannya.
"Sebelum ini, McDo-

nald's Malaysia dan TNB memulakan kerjasama penggunaan solar pada 2023 menerusi perjanjian membabitkan 100 restoran McDonald's Pandu-Lalu terpilih.
"Menerusi model SARE,

perniagaan boleh menggunakan tenaga solar atas bumbung tanpa perlu menanggung pelaburan awal yang besar kerana pembangunan, operasi dan penyelenggaraan sistem dikendalikan oleh GSPARX,"

katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, pada masa sama, McDonald's Malaysia turut melanggan GET yang membabitkan sehingga 285 restoran atau akaun elektrik dengan purata penggunaan elektrik sekitar 15.5 gigawatt-jam (GWh) sebulan.

Langkah itu menjadikan McDonald's Malaysia sebagai syarikat restoran perkhidmatan segera pertama dan terbesar di negara ini yang melanggan tarif elektrik hijau berkenaan.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Ts Shamsul Ahmad berkata, peralihan tenaga perlu diterjemahkan kepada penyelesaian praktikal yang boleh digunakan dalam kehidupan dan operasi perniagaan seharian.

"Melalui kerjasama dengan McDonald's ini, kami membawa tenaga bersih dan mobiliti hijau lebih dekat dengan pelanggan, di samping membolehkan perniagaan memainkan peranan dalam agenda peralihan tenaga Malaysia," katanya dalam kenyataan sama.